

Kemalangan jalan raya tidak halang guru genggam Ph.D

UB 23.11.2017 B1

Oleh DELLROY

PERASAAN hampir putus asa untuk meneruskan pengajian, selepas mengalami kemalangan jalan raya tahun lalu ketika tempoh pengajian sudah mencapai satu tahun dan 2017 adalah tahun akhir pengajian.

Namun berkat kecekalan dan dorongan keluarga serta rakan seperjuangan, akhirnya perit jerih seorang guru pedalaman berakhir dengan kegembiraan apabila berjaya menamatkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang pengurusan pendidikan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dr Roslan Ladi, 48, bersyukur kerana selamat dalam kemalangan itu biarpun meninggalkan parut di kaki.

“Kemalangan jalan raya dalam perjalanan balik dari pusat pengajian di

mana kenderaan yang saya pandu terbabas dan masuk ke dalam gaung. Saya tidak sedarkan diri ketika kejadian yang berlaku pada waktu malam bulan Mei tahun lalu,” katanya.

Beliau yang menerima ijazah Ph.D pada hari pertama sempena

Konvokesyen Ke-19 UMS merupakan anak jati Kampung Sinulihan Baru, Tulid Sook dan merupakan anak pedalaman yang pertama mencapai pendidikan tahap tertinggi itu.

Roslan yang mempunyai tiga anak perempuan berusia 10 hingga 15 tahun berkongsi kegembiraan bersama keluarga dan bersyukur kerana hasrat dan ketekunan diri membawa kepada kejayaan dalam pendidikan yang dikecapi dengan penuh cerita pahit manis sebagai seorang pelajar.

Katanya apabila menjadi seorang pelajar secara sambilan, perasaan pelajar itu mesti ada dan ketika berhadapan pensyarah sebagai pelajar

ROSLAN dengan segulung Ijazah Doktor Falsafah.

mendorong keyakinan untuk belajar.

“Menu paling berharga untuk mencapai kejayaan bagi yang sudah bekerja masa belajar diguna sepenuhnya dan masa bekerja tidak dicampur aduk dengan urusan pengajian,” katanya.

Bagi Roslan yang juga seorang guru di SMK Kemabong, sebagai guru selama lebih 20 tahun dan kini menjadi guru pembimbing kelas pelajar pra-universiti (Tingkatan Enam), cabaran yang paling hebat ialah kebijaksanaan untuk mengurus kerjaya dan komitmen terhadap pekerjaan hakiki dalam bilik darjah, sementara pengajian dilaksanakan pada luar waktu persekolahan dan juga hujung minggu serta cuti sekolah.

“Bagi saya, cuti itu tidak ada sepanjang saya dalam pengajian, saya tidak sabar untuk mencari peluang masa cuti dan hujung minggu bukan untuk berehat tetapi berusaha menyiapkan kajian lapangan dan juga penulisan.

“Memang perit jika tidak bersabar terutama dengan keluarga yang perlu diurus namun saya gembira kerana keluarga, anak-anak faham



ROSLAN (tengah) berkongsi kegembiraan dengan anaknya Rosasyydah, 15 (dua kiri), Rosafizah, 14 (kanan) dan Rosanizzah, 10 (kiri).

dan menyokong saya dalam pengajian,” katanya.

Katanya kejayaan itu juga merupakan motivasi kepada pelajar dan generasi muda luar bandar supaya mempunyai semangat mencapai tahap pendidikan tinggi tanpa mengira lokasi, latar belakang keluarga dan juga kerjaya.

Sementara itu, isteri beliau Hasni Abdul Rahman, 47, yang berasal dari Limbang, Sarawak berkata selama suaminya dalam pengajian, sebagai isteri sedikit pun tidak merasa terbebani untuk mengambil tugas

rutin pada hujung minggu dan cuti sekolah untuk mengurus anak-anak.

“Bagi saya, hasrat murni suami mesti disokong dan kita perlu mempermudah urusan... syukur pengorbanan kami dan anak-anak menjadi hadiah istimewa kepada ayah mereka yang berjaya mencapai impian memegang Ijazah Doktor Falsafah hari ini,” katanya.

Bagi rakan seperjuangan, Joinis Longkiad, 46, dan Francis Andin, masing-masing berpendapat Roslan mempunyai azam dan jati diri yang kuat kerana tidak

mudah putus asa walaupun berhadapan pelbagai cabaran yang dianggap lumrah dalam mencapai kejayaan demi ilmu pendidikan.

Mereka bangga kerana rakan mereka itu akhirnya membuktikan bahawa melanjutkan pelajaran sambil bekerja bukan halangan untuk berjaya.

Jika ada usaha, kecekalan dan keyakinan diri pasti berjaya dan tidak menjadikan pengajian itu sebagai alasan untuk tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai guru malah lebih daripada itu.